

17/11/1999

BN tumpu prasarana rakyat

Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR, Selasa - Manifesto Barisan Nasional (BN) Kelantan yang akan dikeluarkan sebagai tambahan manifesto BN peringkat nasional pada pilihan raya umum ini, memberi tumpuan terhadap isu kemiskinan dan prasarana, seperti masalah bekalan air.

Pengerusi BN Kelantan, Datuk Annuar Musa berkata, isu pemilikan geran tanah serta sistem percukaian yang dilaksanakan kerajaan Pas Kelantan juga akan dimasukkan dalam manifesto itu.

Sehubungan itu, Annuar yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar, berkata jentera pilihan raya negeri itu sudah membuat persiapan rapi termasuk menyediakan 10,000 petugas.

Sambil menyatakan keyakinannya bahawa BN akan membentuk kerajaan di Kelantan, beliau berkata senarai calon, yang terbaik bagi Kelantan, sudah dikemukakan untuk pertimbangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita kemukakan satu barisan calon yang difikirkan terbaik untuk bertanding pada pilihan raya. Tidak ada satu kawasan pun yang diletakkan calon sambil lewa termasuk di kubu terkuat Pas, Pengkalan Chepa," katanya.

Beliau berkata calon yang dikemukakan turut mengambil kira pandangan peringkat bahagian serta pihak lain bagi membentuk kerajaan yang baik dan kuat.

Mengenai perbincangannya dengan pengarah Kemas, Annuar berkata ia bertujuan memantau perkembangan pelaksanaan dasar kerajaan di samping memberi tumpuan terhadap masalah penyebaran fitnah dan pembohongan, khususnya di luar bandar.

Katanya, imej kerajaan perlu dipertahankan dan Kemas sebagai satu-satunya institusi pembangunan yang berhubung rapat dengan masyarakat luar bandar, perlu memastikan setiap dasar kerajaan dilaksanakan.

Annuar berkata 14,000 kakitangan Kemas di seluruh negara akan berusaha memberi penjelasan dan menangani fitnah yang dilemparkan terhadap kerajaan.

(END)